



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

DAN

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
KELANTAN TAHUN 2021**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap pengurusan syarikat Kerajaan pula dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan negeri dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

2. Fasal (1) Perkara 107 Perlumbagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu

dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 107 pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

3. LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022, manakala LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kelantan Tahun 2021 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 24 November 2022.
4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan

4.1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri

- a. Satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Kelantan iaitu Program Bantuan Rumah Dhuafa' (PBRD) di Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Tanah dan Jajahan

(PTJ) Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang. Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa PBRD dari segi pencapaian output adalah memuaskan. Dari aspek keberhasilan, walaupun PBRD dapat memberi manfaat kepada penerima, namun objektif PBRD belum dapat dicapai sepenuhnya untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin bagi menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa.

- b. Bagi pengurusan PBRD pula, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan bayaran, spesifikasi dan kualiti serta pemantauan program. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
 - i. tiga penerima di PTJ Kuala Krai hanya menerima sebahagian daripada bahan binaan yang sepatutnya diterima dengan jumlah bahan binaan yang tidak diterima bernilai RM21,833;
 - ii. 10 baucar bayaran bagi kerja baik pulih rumah yang tidak dilaksanakan bernilai RM20,939 telah dibuat pembayaran pada tahun 2020 dan 2021. Ia melibatkan lima baucar bayaran bagi kerja yang tidak dilaksanakan berjumlah RM14,169 di PTJ Tanah Merah dan lima baucar bayaran berjumlah RM6,770 di PTJ Kuala Krai;
 - iii. empat bantuan sumbangan bahan binaan bernilai antara RM368 hingga RM1,940 bagi setiap bantuan yang diluluskan tidak mengikut skop PBRD. Ia melibatkan nilai bantuan keseluruhan berjumlah RM4,361 bagi tiga penerima di PTJ Kuala Krai; dan

- iv. pembinaan rumah baharu tidak mengikut spesifikasi dan kualiti ditetapkan, antaranya rumah baharu yang dibina tidak dipasang dengan *awning* di bahagian belakang rumah, tidak dibekalkan dengan bilangan kipas yang mencukupi dan pintu panel kayu keras seperti yang ditetapkan serta kualiti pembinaan yang kurang memuaskan.

3.1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan

- a. Pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan bagi Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB). Pengauditan ini merangkumi tiga aspek iaitu pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan syarikat. Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan KBCSB dalam melaksanakan projek pembangunan dan penyelidikan berkaitan bioteknologi serta pertanian belum dicapai sepenuhnya.
- b. Prestasi aktiviti KBCSB berdasarkan KPI yang dicapai adalah kurang cekap bagi tahun 2018 hingga 2021 iaitu antara 40% hingga 75% berbanding sasaran. KBCSB tidak berjaya mencapai sepenuhnya objektif penubuhan syarikat dengan penamatan pengeluaran dua produk bioteknologi syarikat. Sumber dana daripada geran Kerajaan digunakan mengikut tujuan ditetapkan tetapi masih terdapat beberapa objektif projek yang belum dicapai akibat kekangan yang dihadapi syarikat dan kelemahan

dalam aspek perancangan. Bagi projek pembangunan harta tanah, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan masalah penerokaan haram telah menjasikan pembangunan projek yang mengakibatkan tunggakan hasil sewa kepada KBCSB.

c. Amalan tadbir urus korporat KBCSB adalah sekadar pada tahap memuaskan sahaja, di mana enam daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat syarikat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard, Pelan Strategik, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam. Kedudukan kewangan KBCSB berada pada tahap stabil dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM96,679 pada tahun 2021. Bagaimanapun, KBCSB masih mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM2.93 juta pada akhir tahun 2021.

3.2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kelantan Tahun 2021

3.2.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

a. Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3.2.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 bagi Negeri Kelantan telah meningkat sebanyak RM42.17 juta atau 10.2% menjadi RM453.68 juta berbanding RM411.51 juta pada tahun 2020.
 - b. Kerajaan Negeri mencatat lebihan dalam Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM47.61 juta pada tahun 2021 berbanding lebihan berjumlah RM45.44 juta pada tahun 2020.
 - c. Pada tahun 2021, Hutang Awam telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM11.13 juta (1.4%) menjadi RM830.30 juta pada tahun 2021 berbanding RM819.17 juta pada tahun 2020.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/agensi/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan/agensi dan pengurusan syarikat berkenaan, sebanyak tujuh syor telah dicadangkan dalam LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan dan lapan syor dalam LKAN

Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kelantan Tahun 2021.

5. Kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 24 November 2022. Oleh itu LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 24 November 2022 selepas jam 10.05 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

24 November 2022

29 Rabiulakhir 1444H